



# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar  
Registrar's Office



CERTIFIED TO ISO 9001:2000 CERT. NO. AR 3088

Ruj. Kami : UMS/PN2.1/P5/2/1  
Tarikh : 23 Jun 2011

**SEMUA  
KETUA JABATAN/SEKOLAH/PUSAT/INSTITUT/UNIT/BAHAGIAN**

## **PEKELILING PENDAFTAR BIL.1/2011 : PROSEDUR TUNTUTAN GANTIRUGI TERHADAP PELANGGAR KONTRAK BIASISWA DAN LATIHAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (KAKITANGAN AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama-sama ini disertakan **Pekeling Pendaftar Bil.1/2011** yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak YBhg. Datin Seri Panglima/Prof./Tuan/Puan.

Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/S/P/I/U/B masing-masing.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datin Seri Panglima/Prof./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

### **"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,

**TALIB ABDULLAH SHANI**

Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Pentadbiran Dan Governan  
b.p Pendaftar

- s.k
- ☛ Naib Canselor
  - ☛ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - ☛ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - ☛ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
  - ☛ Pendaftar
  - ☛ Fail

### **BERTEKAD CEMERLANG**


JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.

• Tel : 6088-320 123 • Faks : 6088-320 243 • E-mel : papenums@ums.edu.my • Laman web : http://www.ums.edu.my

## **SENARAI EDARAN**

1.	<b>Tn. Hj. Rizal Othman</b>	Bendahari, Jabatan Bendahari
2.	<b>Pn. Dayang Rukiah Awang Amit</b>	Ketua, Pustakawan
3.	<b>Prof. Madya Dr. Shariff A.K. Omang</b>	Pengarah, UMSKAL
4.	<b>Prof. Madya Datin Dr. Mariam Abd Latip</b>	Dekan, Pusat Pengajian Pascasiswa
5.	<b>Prof. Dr. Osman Ali</b>	Dekan, Sekolah Perubatan
6.	<b>Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah</b>	Dekan Sekolah Sains & Teknologi
7.	<b>Prof. Dr. Hjh. Arsiah Hj. Bahron</b>	Dekan, Sekolah Perniagaan & Ekonomi
8.	<b>Prof. Madya Hj. Inon Shahruddin Abdul Rahman</b>	Dekan, Sekolah Sains Sosial
9.	<b>Prof. Madya Dr. Rosalam Hj. Sarbatly</b>	Dekan, Sekolah Kejuruteraan & Teknologi Maklumat
10.	<b>Dr. Murnizam Hj. Halik</b>	Dekan, Sekolah Psikologi & Kerja Sosial
11.	<b>Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah</b>	Dekan, Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial
12.	<b>Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani</b>	Dekan, Sekolah Sains Makanan & Pemakanan
13.	<b>Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim</b>	Dekan, Sekolah Pengajian Seni
14.	<b>Dr. Normah Awang Besar @ Raffie</b>	Dekan, Sekolah Perhutanan & Tropika Antarabangsa
15.	<b>Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi</b>	Dekan, Sekolah Perniagaan & Kewangan Antarabangsa Labuan
16.	<b>Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim</b>	Dekan, Sekolah Sains Informatik Labuan
17.	<b>Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin</b>	Dekan, Sekolah Pertanian Lestari
18.	<b>Prof. Madya Dr. Ismail Ali</b>	Dekan, Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
19.	<b>Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad</b>	Pengarah, Institut Biologi Tropika & Pemuliharaan
20.	<b>Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman</b>	Pengarah, Institut Penyelidikan Marin Borneo
	<b>Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton</b>	Pengarah, Institut Penyelidikan Bioteknologi
22.	<b>Prof. Dr. Felix Tongkul</b>	Pengarah, Pusat Penyelidikan & Inovasi
23.	<b>Prof. Madya Abdul Jamal Abd. Hamid</b>	Pengarah, Pusat Ko-kurikulum & Pemajuan Pelajar
24.	<b>Prof. Dr. Marcus Jopony</b>	Pengarah, Pusat Perkembangan Akademik
25.	<b>Prof. Dr. Vincent Pang</b>	Pengarah, Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa
26.	<b>Prof. Madya Dr. Roszehan Mohd. Idrus</b>	Pengarah, Pusat Hubungan Industri
27.	<b>Prof. Dr. Saleem Mustafa</b>	Ketua, Unit Penerbitan
28.	<b>Prof. Madya Dr. Chua Bee Seok</b>	Ketua, Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial
29.	<b>Prof. Madya Dr. Rosazman Hussin</b>	Ketua, Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan
30.	<b>En. Mat Salleh Hj. Ayub</b>	Ketua, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan
31.	<b>Prof. Madya Dr. Norhayati Mansoor</b>	Ketua, Unit Pembangunan Perakaunan UMS

<b>32. Prof. Dr. Yeo Kiam Beng @ Abdul Noor</b>	Ketua, Unit Kajian Bahan Dan Mineral
<b>33. Prof. Dr. Sanudin Hj. Tahir</b>	Ketua, Unit Kajian Bencana Alam
<b>34. Prof. Madya Dr. Janie Liew @ Liew Heng Mei</b>	Ketua, Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA
<b>35. En. Mustapa Abdul Talip</b>	Ketua, Unit Remote Sensing dan GIS
<b>36. Ustaz Issraaq Hj. Ramli</b>	Ketua, Unit Masjid & Hal Ehwal Islam
<b>37. En. Effendy Hadis</b>	Pemangku Ketua, Unit Media & Teknologi Pendidikan
<b>38. En. Ir Mohd. Roslee Mohd Ali Lee</b>	Pengarah, Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
<b>39. Prof. Madya Dr. Muhammad Tauffick Bin Mohd Noor</b>	Pengarah, Pusat Rawatan Warga
<b>40. Dr. Mokhtarruddin Hj. Ahmad</b>	Pengarah, Bahagian Perhubungan Korporat
<b>41. En. No'man Hj. Ahmad</b>	Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia
<b>42. Pn. Vina Zahriani Yusof</b>	Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Akademik
<b>43. En. Darwis Awang</b>	Timbalan Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar
<b>44. Pn. Sarlona J. Gindug</b>	Timbalan Pendaftar, Jabatan Canselor
<b>45. En. Ismail Abd. Jalil</b>	Ketua, Bahagian Audit Dalam
<b>46. ASP. (K) Mohd. Asyraaf Abdullah</b>	Pengarah, Pusat Sukan
<b>47. Mejari Haznain Ngamil</b>	Ketua, Bahagian Keselamatan



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
PEKELILING PENDAFTAR**

**Tarikh : 21 Jun 2011**

**Bil. 1/2011**

**Ruj : UMS/PN2.1/P5/2**

**PROSEDUR TUNTUTAN GANTIRUGI TERHADAP PELANGGAR KONTRAK  
BIASISWA DAN LATIHAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KAKITANGAN AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK)**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menjelaskan prosedur tuntutan gantirugi terhadap pelanggar kontrak biasiswa dan latihan bagi kakitangan Akademik dan Bukan Akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS).

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bahagian Perundangan Dan Tatatertib, Jabatan Pendaftar di pertanggungjawab untuk membuat tuntutan dan tindakan undang-undang terhadap pelanggar kontrak biasiswa kakitangan Akademik dan Bukan Akademik dengan UMS.
- 2.2 Prosedur ini disediakan untuk menjelaskan dan menyediakan suatu garis panduan bagi menyeragamkan tuntutan dan tindakan undang-undang terhadap pelanggar kontrak Biasiswa dan Latihan UMS yang bakal diambil kepada kakitangan Akademik dan Bukan Akademik.
- 2.3 **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU)** yang bersidang pada **02 Februari 2011 Bil. 2/2011 Kali Ke-127** telah bersetuju dengan pemakaian prosedur ini.

**3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Pekeliling ini merangkumi perkara seperti berikut:-
  - (i) matlamat prosedur;
  - (ii) prosedur pengurusan tuntutan di UMS; dan
  - (iii) carta alir prosedur pengurusan tuntutan di UMS.

- 3.2 Prosedur Tuntutan Gantirugi Terhadap Pelanggar Kontrak Biasiswa Dan Latihan UMS adalah seperti dalam **Lampiran**.
- 3.3 Maklumat lanjut mengenai prosedur ini boleh diperolehi di **Seksyen Guaman, Bahagian Perundangan dan Tatatertib, Jabatan Pendaftar**.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) iaitu pada **01 Februari 2011**.

Sekian, Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,

**MEJ. (K) ABDULLAH HJ. MOHD. SAID**  
Pendaftar

Tarikh : **21 Jun 2011**

- s.k. ↗ Naib Canselor  
↗ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
↗ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
↗ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)  
↗ Fail



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

---

# **PROSEDUR TUNTUTAN GANTI RUGI TERHADAP PELANGGAR KONTRAK BIASISWA DAN LATIHAN UMS**

**(KAKITANGAN AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK)**

---

Disediakan Oleh:  
**Bahagian Perundangan dan Tatatertib,  
Jabatan Pendaftar**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Matlamat prosedur	3
2.	Prosedur pengurusan tuntutan di Universiti Malaysia Sabah (UMS)	3 - 5
3.	Lampiran 1: Contoh surat tuntutan kepada bekas kakitangan	6 - 10
4.	Lampiran 2: Contoh surat tuntutan kepada kakitangan universiti	11 - 15
5.	Lampiran 3: Formula pengiraan jumlah ansuran bulanan dan tempoh ansuran bulanan	16 - 17
6.	Lampiran 4: Carta Alir Prosedur Pengurusan Tuntutan Di Ums	18 - 19

## **PROSEDUR PENGURUSAN TUNTUTAN GANTIRUGI TERHADAP PELANGGAR KONTRAK BIASISWA DAN LATIHAN UMS (KAKITANGAN AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK)**

### **1.0 MATLAMAT PROSEDUR**

Matlamat Prosedur ini adalah seperti berikut :-

- (a) Menyeragamkan bentuk tuntutan dan tindakan terhadap pelanggar kontrak Biasiswa dan Latihan yang berkenaan;
- (b) Agar Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti tidak memikul beban tambahan dengan membawa suatu rayuan oleh pelanggar kontrak Biasiswa dan Latihan berhubung dengan rayuan pembayaran balik secara ansuran bulanan di mana Garis Panduan ini antara lainnya menetapkan agar pembayaran balik melalui ansuran bulanan oleh kakitangan sedia ada tidak boleh dirayu.
- (c) Rayuan hanya akan dibawa ke Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) dalam kes khas sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Bahagian Perundungan dan Tatatertib (BPT).

### **2.0 PROSEDUR PENGURUSAN TUNTUTAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

- (a) Unit Pengajian Lanjutan (Akademik), ('UPLA') dan Unit Pengajian Lanjutan (Bukan Akademik), Jabatan Pendaftar akan memberikan fail kakitangan kepada BPT sebaik sahaja kakitangan yang diberikan cuti belajar dan biasiswa:
  - (i) Tamat tempoh cuti belajar, gagal pengajian dan balik melapor diri.
  - (ii) Tamat tempoh cuti belajar, gagal pengajian dan tidak balik melapor diri.
  - (iii) Tamat tempoh cuti belajar, lulus pengajian dan tidak balik melapor diri.
  - (iv) Tamat tempoh cuti belajar, lulus pengajian, melapor diri tetapi berhenti bekerja sebelum tamat tempoh ikatan bon.
- (b) BPT meminta Bendahari atau Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk memberikan Penyata Akaun terperinci kepada BPT yang menunjukkan jumlah perbelanjaan yang merangkumi Elaun Sara Hidup, keseluruhan perbelanjaan (tiket kapal terbang, elaun pakaian panas dan

sebagainya) dan gaji yang telah dibayar kepada Penerima Biasiswa bermula dari tarikh cuti belajar hingga tarikh tamat cuti belajar/tarikh lapor diri, yang mana lebih lambat;

- (c) BPT mengeluarkan tuntutan gantirugi secara pentadbiran kepada pelanggar biasiswa dan penjamin-penjamin mengikut **Lampiran 1** atau **Lampiran 2** mengikut yang berkenaan:
- (i) Bagi kakitangan yang gagal pengajian tetapi melapor diri bertugas, tuntutan gantirugi ke atas elaun-elaun dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan pengajian tersebut.
  - (ii) Bagi kakitangan yang tidak melapor diri bertugas setelah tamat tempoh cuti belajar, tuntutan gantirugi ke atas gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan.
- (d) BPT boleh berdasarkan kepada keperluan dan keadaan khas membenarkan pengurangan jumlah ansuran bulanan dan/atau 'upfront payment'.
- (d) Tuntutan ganti rugi atas dasar pro-rata jika kakitangan UMS meletak jawatan melebihi separuh daripada tempoh bon Perjanjian Biasiswa dan Latihan yang berkenaan.
- (e) Tuntutan ganti rugi penuh sekiranya kakitangan UMS meletak jawatan kurang separuh daripada tempoh bon Perjanjian Biasiswa dan Latihan yang berkenaan.
- (f) Mengenakan pembayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada jumlah tuntutan keseluruhan (*a mandatory upfront payment of 10%*).
- (g) Memberi pilihan kepada kakitangan untuk pembayaran balik tuntutan ganti rugi melalui ansuran bulanan di mana tempoh dan jumlah ansuran bulanan adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.
- (h) Menetapkan tempoh minimum untuk pembayaran balik ganti rugi secara ansuran bulanan selama 4 tahun dan tempoh maksimum ansuran selama 12 tahun (**Lampiran 3**).
- (i) BPT memantau status tuntutan gantirugi yang dibuat:
  - (i) jika tiada maklumbalas diberikan setelah 3 kali peringatan tuntutan, kes akan diserahkan kepada Panel Peguam UMS untuk tindakan mahkamah.

- (ii) Jika pembayaran gantrugi dibuat tetapi tidak mengikut masa yang ditetapkan, peringatan dikeluarkan. Jika berlaku keingkaran selama 3 bulan berturut-turut, kes akan diserahkan kepada Panel Peguam UMS untuk tindakan mahkamah.
- (j) Melaporkan status tuntutan kepada Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari.

# **LAMPIRAN 1**

**(CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA BEKAS KAKITANGAN)**

## **CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA BEKAS KAKITANGAN**

Rujukan Kami :  
Tarikh :

**PUAN ABC**

19, Jalan Melor 25  
Taman Melor  
68000 Ampang  
Selangor Darul Ehsan

POS BERDAFTAR

Dan/atau

**PUAN ABC**

No. 23, Jalan Raja Udang 9  
Taman Kingfisher  
88450 Kota Kinabalu  
Sabah

POS BERDAFTAR

Dan/atau

**PUAN ABC**

No. 28, Austral-8  
Austral Park,  
88200 Kota Kinabalu  
Sabah

POS BERDAFTAR

Puan,

**NOTIS TUNTUTAN**

**PERJANJIAN HADIAH/BIASISWA LATIHAN KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA**

**SABAH DAN SURAT TAWARAN**

**PENERIMA**

**BIASISWA : ABC**

---

Kami dengan hormat merujuk kepada perkara di atas.

Pihak Universiti Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'UMS') telah bersetuju untuk menawarkan suatu beraswa kakitangan kepada pihak Puan melalui suatu Perjanjian Hadiah/Biasiswa Latihan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah

## LAMPIRAN 1

(selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Perjanjian tersebut') dan dibaca bersama dengan Surat Tawaran Hadiah/Biasiswa (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Tawaran tersebut'), di mana Perjanjian tersebut telah ditandatangani diantara pihak Puan dengan UMS untuk membiayai pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pihak Puan di University of Oxford, United Kingdom (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Pengajian tersebut').

Melalui Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut, UMS telah bersetuju untuk membiayai perbelanjaan latihan/pengajian dan membayar Puan dalam tempoh latihan/pengajian tersebut serta berbagai elauan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Puan telah gagal untuk menamatkan Pengajian tersebut dan untuk itu pihak Puan telah mungkir dan melanggar *inter alia* fasal 1 (a) dan (h) Perjanjian Perjanjian tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

1. Pelajar dengan ini berjanji, bersetuju dan mengakui bahawa dalam masa tempoh kursus latihan/pengajian pelajar akan:
  - (a) memasuki, mengikuti dengan bersungguh-sungguh, meneruskan dan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang dikehendaki oleh Universiti dan yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Surat Tawaran Hadiah Latihan/Biasiswa yang dilampirkan bersama ini dan bahawa ia akan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang tersebut itu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan yang dinyatakan dalam Hadiah latihan atau dalam sesuatu masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Universiti mengikut budibicara mutlak Universiti. Dengan syarat jika di atas permintaan Pelajar, Universiti boleh menambah tempoh kursus Latihan/Pengajian, tempoh perlanjutan yang melebihi enam (6) bulan adalah diambil kira sebagai satu (1) tahun dalam pertambahan tempoh ikatan perjanjian dan tambahan jumlah ganti rugi di bawah peruntukan perjanjian ini ialah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM160,000.00);
  - (h) hendaklah menunjukan dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam pengajiannya.

Justeru itu, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Universiti berhak untuk menuntut gantirugi daripada tuan sebagaimana yang terkandung di bawah Fasal 8(ii) dan (iv) Perjanjian tersebut dan/atau juga ganti rugi tambahan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 1(a) di atas. Fasal 8(ii) dan (iv) memperuntukkan seperti berikut :

8. Adalah diisyiharkan dan dipersetujui lagi bahawa jikalau perjanjian ini ditamatkan oleh pihak Universiti mengikut Fasal 5 atau 6 atau jika pelajar:

## LAMPIRAN 1

- (ii) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana fasal dalam perjanjian ini; atau
- (iv) ..... Universiti boleh menurut budibicara mutlaknya menamatkan perjanjian ini dan dengan itu pelajar dan penjamin-penjamin hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serahak mereka, membayar kepada Universiti apabila diminta dalam tempoh enam puluh hari (60) hari wang sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM 160,000.00) atau semua wang yang telah dibayar kepada pelajar atau pihaknya secara gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian ini mengikut yang mana lebih banyak.

Pihak Puan telah memohon tempoh perlanjutan untuk Pengajian tersebut dan untuk itu UMS dengan ini menuntut daripada pihak Puan untuk membayar ganti rugi sebanyak **RM xy (RINGGIT MALAYSIA :XY SAHAJA)** yang merupakan semua wang yang telah dibayar kepada Puan atau pihak Puan secara gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 8(iv) Perjanjian tersebut.

Puan juga telah tidak hadir untuk bertugas tanpa cuti dan gagal melapor diri semenjak cuti belajar (lanjutan) yang berkenaan tamat pada 19.8.2005.

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa pihak UMS dengan ini menuntut daripada Puan sebagai Penerima Biasiswa untuk membayar gantirugi sebanyak **RMxy (Ringgit Malaysia : xy sahaaja)** kepada UMS dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Notis Tuntutan. Bayaran hendaklah dibuat samada melalui cek/wang pos/bank deraf atas nama "**BENDAHARI UMS**" dan dialamatkan seperti di bawah :-

**TIMBALAN PENDAFTAR  
BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TATATERTIB**  
Bangunan Canselor, Blok Selatan  
Universiti Malaysia Sabah  
88999 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

**AMBIL PERHATIAN** bahawa UMS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Puan sekiranya pihak Puan gagal, ingkar dan/atau cuai untuk

LAMPIRAN 1

membayar jumlah yang dituntut dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas tanpa rujukan selanjutnya lagi kepada pihak Puan. UMS juga menuntut agar Puan serta-merta melapor diri untuk bertugas atas kegagalan yang sama Puan akan dianggap telah menamatkan perkhidmatan dengan UMS dan oleh yang demikian UMS akan menuntut gantirugi atas penamatkan perkhidmatan secara salah dan tanpa notis yang berkenaan di Mahkamah di mana Puan akan dijadikan bertanggungan untuk membayar kos guaman, faedah dan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh UMS dalam mengambil tindakan perundangan tersebut kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

t.t.

## **YENNEY FADZLYENA BINTI AHMAD SHAH**

Penolong Pendaftar  
Bagi Pihak Pendaftara

s.k. (1) Naib Canselor UMS  
(2) Pendaftar, UMS

# **LAMPIRAN 2**

**(CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI)**

## **CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI**

Rujukan Kami :  
Tarikh :

**PUAN BCD**  
19, Jalan Melor 25  
Taman Melor  
68000 Ampang  
Selangor Darul Ehsan

POS BERDAFTAR

Dan/atau

**PUAN BCD**  
No. 23, Jalan Raja Udang 9  
Taman Kingfisher  
88450 Kota Kinabalu  
Sabah

POS BERDAFTAR

Dan/atau

**PUAN BCD**  
No. 28, Austral-8  
Austral Park,  
88200 Kota Kinabalu  
Sabah

POS BERDAFTAR

Puan,

**NOTIS TUNTUTAN**  
**PERJANJIAN HADIAH/BIASISWA LATIHAN KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA**  
**SABAH DAN SURAT TAWARAN**  
**PENERIMA**  
**BIASISWA : BCD**

---

Kami dengan hormat merujuk kepada perkara di atas.

## LAMPIRAN 2

Pihak Universiti Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'UMS') telah bersetuju untuk menawarkan suatu biasiswa kakitangan kepada pihak Puan melalui suatu Perjanjian Hadiah/Biasiswa Latihan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Perjanjian tersebut') dan dibaca bersama dengan Surat Tawaran Hadiah/Biasiswa (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Tawaran tersebut'), di mana Perjanjian tersebut telah ditandatangani diantara pihak Puan dengan UMS untuk membiayai pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pihak Puan di University of Oxford, United Kingdom (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Pengajian tersebut').

Melalui Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut, UMS telah bersetuju untuk membiayai perbelanjaan latihan/pengajian dan membayar Puan dalam tempoh latihan/pengajian tersebut serta berbagai elauan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Puan telah gagal untuk menamatkan Pengajian tersebut dan untuk itu pihak Puan telah mungkir dan melanggar *inter alia* fasal 1 (a) dan (h) Perjanjian Perjanjian tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

2. Pelajar dengan ini berjanji, bersetuju dan mengakui bahawa dalam masa tempoh kursus latihan/pengajian pelajar akan:
  - (b) memasuki, mengikuti dengan bersungguh-sungguh, meneruskan dan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang dikehendaki oleh Universiti dan yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Surat Tawaran Hadiah Latihan/Biasiswa yang dilampirkan bersama ini dan bahawa ia akan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang tersebut itu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan yang dinyatakan dalam Hadiah latihan atau dalam sesuatu masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Universiti mengikut budibicara mutlak Universiti. Dengan syarat jika di atas permintaan Pelajar, Universiti boleh menambah tempoh kursus Latihan/Pengajian, tempoh perlanjutan yang melebihi enam (6) bulan adalah diambil kira sebagai satu (1) tahun dalam pertambahan tempoh ikatan perjanjian dan tambahan jumlah ganti rugi di bawah peruntukan perjanjian ini ialah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM160,000.00);
  - (h) hendaklah menunjukan dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam pengajiannya.

Justeru itu, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Universiti berhak untuk menuntut gantirugi daripada Puan sebagaimana yang terkandung di bawah Fasal 8(ii) dan (iv) Perjanjian tersebut dan/atau juga ganti rugi tambahan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 1(a) di atas. Fasal 8(ii) dan (iv) memperuntukkan seperti berikut :

## LAMPIRAN 2

9. Adalah diisyiharkan dan dipersetujui lagi bahawa jikalau perjanjian ini ditamatkan oleh pihak Universiti mengikut Fasal 5 atau 6 atau jika pelajar:
- (ii) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana fasal dalam perjanjian ini; atau
  - (iv) ..... Universiti boleh menurut budibicara mutlaknya menamatkan perjanjian ini dan dengan itu pelajar dan penjamin-penjamin hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serahak mereka, membayar kepada Universiti apabila diminta dalam tempoh enam puluh hari (60) hari wang sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM 160,000.00) atau semua wang yang telah dibayar kepada pelajar atau pihaknya secara gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian ini mengikut yang mana lebih banyak.

Pihak Puan telah memohon tempoh perlanjutan untuk Pengajian tersebut dan untuk itu UMS dengan ini menuntut daripada pihak Puan untuk membayar ganti rugi sebanyak **RM xy (RINGGIT MALAYSIA :XY SAHAJA)** yang merupakan semua wang yang telah dibayar kepada Puan atau pihak Puan , elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 8(iv) Perjanjian tersebut.

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa pihak UMS dengan ini menuntut daripada Puan sebagai Penerima Biasiswa untuk membayar gantirugi sebanyak **RMxy (Ringgit Malaysia : xy sahaja)** kepada UMS dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Notis Tuntutan. Bayaran penuh hendaklah dibuat samada melalui cek/wang pos/bank deraf atas nama "**BENDAHARI UMS**" dan dialamatkan seperti di bawah :-

**TIMBALAN PENDAFTAR  
BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TATATERTIB**  
Bangunan Canselor, Blok Selatan  
Universiti Malaysia Sabah  
88999 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Dan/atau sebagai alternatif dan tanpa prejudis kepada hak UMS untuk membuat tuntutan penuh kepada ganti rugi seperitimana yang dituntut, Puan juga diberi pilihan

LAMPIRAN 2

untuk pembayaran balik gantirugi melalui **pemotongan gaji** dengan mengisi, melengkapkan dan mengembalikan BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN UNTUK PEMOTONGAN GAJI kepada Bendahari yang disertakan bersama-sama di sini. Di mana bayaran pendahuluan (*upfront payment*) 10% dari jumlah gantirugi sebanyak **RMyz(Ringgit Malaysia : yz) sahaja** hendaklah dibayar kepada Bendahari semasa BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN UNTUK PEMOTONGAN diserahkan kepada Bendahari dalam tempoh masa ENAM PULUH (60) hari dari tarikh Notis Tuntutan ini di mana pemotongan gaji sebanyak **RM xxx sebulan selama 144 bulan (12 tahun)** akan dimulakan sebulan selepas daripada penerimaan pembayaran pendahuluan tersebut. Harap malum bahawa kuantum, jumlah dan tempoh pemotongan gaji ini adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

**AMBIL PERHATIAN** bahawa UMS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Puan sekiranya pihak Puan gagal, ingkar dan/atau cuai untuk membayar jumlah yang dituntut dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas tanpa rujukan selanjutnya lagi kepada pihak Puan di Mahkamah di mana Puan akan dijadikan bertanggungan untuk membayar kos guaman, faedah dan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh UMS dalam mengambil tindakan perundangan tersebut kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

t.t.

**YENNEY FADZLYENA BINTI AHMAD SHAH**

## Penolong Pendaftar Bagi Pihak Pendaftaran

s.k. (1) Naib Canselor UMS  
(2) Pendaftar, UMS

# **LAMPIRAN 3**

**(FORMULA PENGIRAAN JUMLAH ANSURAN BULANAN DAN  
TEMPOH ANSURAN BULANAN)**

## FORMULA PENGIRAAN JUMLAH ANSURAN BULANAN DAN TEMPOH ANSURAN BULANAN

### Contoh:

Tuntutan sebenar : RM 180,000.00  
Bayaran pendahuluan 10% :  $180,000 \div \frac{10}{100}$   
= RM 18,000.00

Maka jumlah baki tuntutan ditolak dengan 10%  
 $180,000 - 18,000 = \text{RM}162,000.00$

Formula baki tuntutan setelah ditolak dengan 10% dibahagi dengan jumlah bulan sepetimana dalam jadual :-

$$\frac{\text{RM}162,000}{144 \text{ bulan (12 tahun)}} = \text{RM}1,125.00$$

Oleh kerana itu ansuran bulanan yang perlu dijelaskan adalah sebanyak **RM1,125.00** sebulan selama **144 bulan (12 tahun)**.

# **LAMPIRAN 4**

**(CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN TUNTUTAN DI UMS)**

## CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN TUNTUTAN DI UMS

